



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 9 /2021  
26 OKTOBER 2021 (19 RABI'UL AWWAL 1443H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas segala limpah kurnia-Nya, di atas kepelbagaian nikmat yang diberikan kepada kita dan diberikan nikmat kesihatan untuk menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda SAW, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terdahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang memberi kepercayaan kepada saya di atas pelantikan jawatan ini. Sudah pastinya, pelantikan saya sebagai Datuk Bandar ini merupakan suatu amanah dan tanggungjawab yang harus saya pikul dan galas dan saya memohon doa dari semua agar saya dapat menjalankan tugas ini dengan sebaiknya. Terima kasih juga diucapkan kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya sejak bermulanya saya menjawat jawatan Datuk Bandar Petaling Jaya pada 21 Oktober 2021 yang lalu.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang jitu ini sentiasa berpanjangan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan merealisasikan penyampaian perkhidmatan dan program-program Majlis.

Perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Oleh yang demikian, saya memohon kerjasama semua pihak agar dapat menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik.

## **2. PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN : FOKUS KESEJAHTERAAN PETALING JAYA**

Saya ingin memberi penekanan bahawa sebagai penjawat awam, kita hendaklah sentiasa beriltizam bahawa penyampaian perkhidmatan itu sesuatu yang penting dan perlu di ambil berat. Selaku PBT, Majlis perlu sentiasa cakna mengenai keperluan dan ekspektasi masyarakat yang perlu dipenuhi dengan cekap dan efisyen.

Fokus utama Majlis adalah memberi keutamaan dalam aspek perkhidmatan asas Majlis khususnya kemudahan am, penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur, taman awam, tempat rekreasi, pengindahan bandar, penguatkuasaan, pelesenan, pengurusan kutipan sisa pepejal dan pembersihan bandar serta kawalan perancangan bangunan. Justeru, marilah kita bersama-sama meletakkan keutamaan dan fokus kita kepada kesejahteraan rakyat dengan memastikan setiap program, projek yang dirangka dan perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan baik supaya dapat memenuhi keperluan dan harapan rakyat khususnya warga bandar raya Petaling Jaya.

ia selari dengan pelaksanaan 5 Hala Tuju Pelan Strategik Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdayatahan 2030 (*PJ Smart, Sustainable, Resilient City 2030*) iaitu **Alam Sekitar, Habitat Berdayahuni, Ekonomi, Komuniti Mampan dan Urus Tadbir Baik.**

Saya percaya Majlis cukup memahami keinginan masyarakat setempat kerana kita sendiri adalah rakyat dan penduduk yang mengharapkan dan mengimpikan untuk mendiami tempat tinggal, bekerja, berniaga dan menjalani kehidupan di dalam persekitaran yang selamat, selesa dan harmoni.

### **3. INTEGRITI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS**

Dalam melaksanakan amanah tugas yang diberikan, faktor integriti memainkan peranan yang paling penting. Tanpa sikap terpuji ini, kredibiliti seseorang itu akan tercalar dan tergores dan seterusnya menjadikan seseorang atau individu tersebut di anggap liabiliti kepada sesebuah organisasi.

Integriti merupakan elemen yang perlu diberikan perhatian oleh setiap individu (pekerja) yang berada di bawah sesuatu organisasi. Penghayatan terhadap elemen ini amat penting kerana ia mampu memberikan kesejahteraan kepada kakitangan dalam organisasi. Seseorang kakitangan yang berintegriti akan mempunyai tingkah laku yang baik dan tidak mudah terpengaruh dengan tingkah laku yang negatif dan seterusnya memberikan impak kepada penyampaian perkhidmatan.

Mudahnya, integriti sama ada di peringkat individu maupun organisasi adalah **code of behaviour** yang membantu kelancaran tadbir urus sesuatu organisasi. Nilai asas, norma dan etika perkhidmatan yang telah digariskan dalam Tonggak 12, dengan jelas membawa maksud memastikan kelancaran dan kualiti perkhidmatan akan berada ditahap teratas.

Berdasarkan ini, sifat integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam menjalankan tugas sangat penting diterapkan dan dititikberatkan kepada semua warga kerja Majlis bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua lapisan masyarakat Petaling Jaya dengan sebaik-baiknya

## 4. OPERASI PENGUATKUASAAN

### 4.1 SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

Majlis masih meneruskan rondaan, pemeriksaan dan pemantauan secara konsisten bagi memastikan tahap pematuhan SOP dikalangan pemilik perniagaan dan orang awam dipatuhi selari dengan peralihan ke fasa empat (4) yang diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Fokus semakan dan pemeriksaan premis-premis perniagaan di sekitar kawasan Petaling Jaya adalah bagi memastikan agenda SOP yang ditetapkan dijadikan budaya amalan norma baharu di kalangan orang awam dan pemilik perniagaan.

Seiring dengan Halatuju 5.0, *Sustainable PJ 2030* iaitu mewujudkan **Urus Tadbir Baik** melalui penguatkuasaan dasar, polisi dan undang-undang, kolaborasi bersama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) masih terus dilaksanakan bagi memastikan tindakan-tindakan

penguatkuasaan yang dijalankan lebih efektif. Sepanjang bulan Oktober 2021, pihak Majlis telah melaksanakan semakan ke atas **1,350 premis perniagaan, 4,807 penjaja, 93 premis makanan, 413 lesen berisiko, 404 kawasan pasar dan 219 kawasan riadah.**

Secara kumulatifnya, bermula daripada 7 Mei 2021 sehingga 25 Oktober 2021, sebanyak 42,778 pemeriksaan telah dilaksanakan melibatkan 11,521 premis perniagaan, 162 sektor industri, 19,873 penjaja, 3,750 premis makanan, 2,600 premis lesen berisiko, 3,034 kawasan pasar dan 1,206 kawasan riadah. Hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan sebanyak 4,953 kompaun pelbagai kesalahan, 9 kompaun di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), 98 amaran lisan, 388 notis penutupan, 110 sitaan/pindah alih dan 31 penutupan premis telah dilaksanakan. Di samping itu, sebanyak 297 operasi bersepadu juga telah dijalankan bersama pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya dan agensi-agensi berkaitan.

#### **4.2 BILIK GERAKAN SMART COVID-19 OPERATIONAL ROOM (SCOR)**

**SMART COVID-19 OPERATIONAL ROOM (SCOR)** yang berperanan sebagai pusat *Big Data* Petaling Jaya telah ditubuhkan bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada penduduk Petaling Jaya lebih efisyen. Penubuhan bilik gerakan ini selaras dengan hasrat untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya pintar, mampan dan berdayatahan serta bertepatan dengan sasaran Pelan Strategik *PJ Smart, Sustainable, and Resilient 2030* (PJSSR 2030). Bagi tempoh bermula 1 Jun 2021 sehingga 25 Oktober 2021, sebanyak 73 aduan dan pertanyaan awam telah direkodkan dan diselesaikan.

#### **4.3 PEMBERIAN SUMBANGAN BAGI PROGRAM PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA (PKKPJ) BAGI TAHUN 2021**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memperkenalkan program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) sejak tahun 2011. Program ini direncanakan bertujuan untuk menggalakkan penglibatan komuniti dan meningkatkan tahap kesedaran keselamatan di kalangan warga Petaling Jaya. Inisiatif pelaksanaan program ini telah memberikan impak yang sangat baik dan telah diukur keberkesanannya melalui peningkatan penglibatan penduduk, bilangan rondaan keselamatan, peningkatan kesedaran keselamatan kejiranan serta peranan kumpulan sasar yang dikenalpasti.

Program PKKPJ ini juga merupakan usaha berterusan Majlis dalam memperkuatkan komunikasi dua hala bersama warga penduduk Petaling Jaya selaras dengan hasrat untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai *Safe and Resilient City* selari dengan sasaran Pelan Strategik PJ Smart, Sustainable and Resilient 2030 (PJSSR 2030).

Sehubungan dengan itu, Majlis mempelawa Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) di kawasan perumahan kos rendah untuk mengemukakan permohonan bagi tahun 2021 tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Permohonan akan dibuka bermula pada 27 Oktober 2021 sehingga 3 November 2021. Semua syarat dan panduan permohonan boleh dibuat melalui atas talian <http://pkkpj.mbpj.gov.my/login.html>.

## 5. PEMILIK-PEMILIK HARTA DI PETALING JAYA DIMINTA UNTUK MENGEMASKINI REKOD HARTA CUKAI TAKSIRAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya sedang dalam proses bagi mengemaskini rekod pemilikan harta di seluruh kawasan pentadbiran Majlis. Ini kerana, berdasarkan rekod Majlis, didapati masih terdapat sebilangan pemilik harta yang masih tidak mengemaskini rekod pemilikan harta masing-masing sehingga mengakibatkan Majlis menghadapi kesukaran di dalam menghantar notis dan bil cukai taksiran kepada pemilik sebenar harta tersebut.

Sehubungan dengan itu, pemilik-pemilik harta di Petaling Jaya adalah diminta untuk mengemaskini rekod pemilikan harta masing-masing melalui Borang I sekiranya terdapat sebarang pindahmilik harta yang belum ditukarkan nama pemilik baru di dalam bil cukai taksiran atau bagi mana-mana akaun harta yang masih lagi di atas nama “**PEMILIK**”.

Kegagalan pemilik harta untuk memaklumkan Majlis berhubung pindahmilik tersebut boleh mengakibatkan pemilik di denda tidak lebih daripada RM 2,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya.

Untuk maksud ini, pemilik harta boleh mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPJ atau boleh juga diemailkan permohonan kepada [jpph@mbpj.gov.my](mailto:jpph@mbpj.gov.my). Ia juga selaras dengan hasrat Majlis di bawah **Pelan PJSSR 2030 di bawah Halatuju 5.0 : Urus Tadbir Baik** untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis yang berkesan, cekap dan telus.

## **6. PROGRAM KEBUN KITA @PJ : MENJANA EKONOMI PENDUDUK SETEMPAT**

Majlis melihat inisiatif pelaksanaan Program Kebun Komuniti dalam sektor pertanian mempunyai prospek yang sangat cerah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor di dalam Bajet 2022 untuk memperkasakan ‘*Food Synergy*’ bagi menggalakkan ‘*urban farming*’ di kalangan komuniti yang boleh membekalkan sumber makanan sihat. Hasrat ini bertepatan dengan Visi Pelan Strategik MBPJ 2021 – 2025 di bawah Teras 1 – Meningkatkan ‘**Community Engagement**’ di dalam perancangan pembangunan melalui Program Pembudayaan Lanskap bersama komuniti bagi melaksanakan Program Kebun Kita@PJ berkonsepkan pertanian bandar (*urban farming*) dengan menggalakkan aktiviti penanaman sayur-sayuran hidroponik dan penternakan ikan secara akuaponik di Petaling Jaya menjelang tahun 2025.

Melalui inisiatif Kebun Komuniti ini, adalah menjadi hasrat Majlis agar komuniti berdekatan dapat menikmati hasil tanaman dengan mudah. Secara tidak langsung, ia juga menggalakkan pengeluaran sumber makanan tempatan dengan pelbagai jenis tanaman, menjana pembangunan ekonomi sosial kepada komuniti setempat dalam mewujudkan peluang pekerjaan harian atau bulanan khasnya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah serta golongan yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19.

Sehubungan dengan itu, MBPJ telah menyahut seruan ini dan telah melaksanakan Program Kebun Komuniti di Petaling Jaya bermula dengan 2 kebun komuniti pada tahun 2008, di mana sehingga kini terdapat 17 komuniti yang terlibat aktif termasuklah di kawasan perumahan, zon penampang dan di sekolah-sekolah.

Bagi kawasan perumahan yang terdapat tanah lapang atau zon penampang yang berhampiran, penanaman secara komuniti boleh dilaksanakan. Melalui kaedah ini, ia membolehkan mereka menanam pelbagai jenis tanaman dengan mengambil kira kuantiti yang mencukupi untuk penggunaan setiap keluarga.

Penanaman akan diuruskan oleh satu badan pengurusan yang ditubuhkan oleh komuniti. Badan pengurusan tersebut akan merancang untuk melaksanakan penanaman di kawasan berkenaan dengan menyediakan batas tanaman, *raised garden bed*, bangunan menyimpan peralatan, sistem pengairan, tangki tuaian air hujan (SPAH), gazebo, pagar, kemudahan kompos, pertanian/penternakan ikan secara akuaponik, hidroponik, fertigasi dan kemudahan-kemudahan lain termasuk mendapat kebenaran dan kelulusan Majlis secara rasmi atau daripada pihak-pihak yang berkaitan. Matlamat program kebun komuniti diadakan adalah untuk:

- a) Memanfaatkan tanah kosong dan kawasan zon penampang untuk menanam sayur-sayuran dan tanaman kontan;
- b) Menggalakkan penduduk setempat untuk menghasilkan bahan makan untuk keperluan harian;
- c) Mengurangkan kos sara hidup komuniti setempat;
- d) Meningkatkan minat golongan muda terlibat di dalam sektor pertanian; dan
- e) Memanfaatkan penggunaan teknologi terkini dalam projek pertanian yang diusahakan.

Adalah diharapkan tanah lapang dan zon penampang yang terbiar di Petaling Jaya boleh diusahakan bagi kebun komuniti untuk kegunaan komuniti setempat. MBPJ dan Jabatan Pertanian sedia membantu komuniti dalam menjalankan aktiviti berkebun dengan mempromosikan makanan sihat, badan sihat, jimat wang dan akhirnya membantu pengurangan jejak karbon. Program kebun komuniti merupakan satu usaha untuk menggalakkan penjagaan kebersihan dan penghijauan serta penglibatan komuniti serta dapat menjana pendapatan komuniti (*Local Economic Development*).

Selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri Selangor bagi menggalakkan aktiviti pertanian oleh komuniti setempat, Jabatan Landskap telah dipilih oleh Kerajaan Selangor bagi menerima bantuan **Program Jaminan Bekalan Makanan: Agrobandar/ Kebun Komuniti** dengan mensasarkan lebih banyak komuniti yang akan bergerak aktif terutama pasca COVID-19 di mana ramai terkesan dari segi pendapatan ekonomi.

## 7. KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA

Sejumlah 1095 kes demam denggi dilaporkan sehingga minggu epid 41 (16 Oktober 2021). Jumlah ini dilihat menurun sebanyak 62 peratus (%) berbanding tahun 2020 dengan 3395 kes. Sehingga kini, tiada kes kematian akibat demam denggi dilaporkan di kawasan MBPJ. Bagi di Daerah Petaling, MBPJ mencatatkan bilangan kes yang terendah iaitu sejumlah 1095 kes berbanding 2 PBT yang lain iaitu MBSA (1159 kes) dan MBSJ (1560 kes).

Sebanyak 16 lokaliti wabak aktif dilaporkan iaitu 12 wabak terkawal, 2 lokaliti wabak tidak terkawal dan 2 lokaliti wabak *hotspot*. Sebanyak 4 lokaliti wabak di laporkan di Dun Bukit Gasing, 3 lokaliti wabak di Dun

Kampung Tunku dan Bukit Lanjan, 2 lokaliti wabak di Dun Seri Setia dan Taman Medan manakala bagi Dun Bandar Utama, Dun Kota Damansara dan Dun Bukit Lanjan masing-masing mencatatkan 1 lokaliti wabak.

Sejumlah 51 kes denggi dilaporkan dari kesemua lokaliti wabak tersebut dimana lokaliti Flat Desaria PJS 5 mencatatkan bilangan kes paling tinggi iaitu sebanyak 13 kes manakala lokaliti Seksyen 14 mencatatkan sebanyak 12 kes denggi. Kedua-dua lokaliti ini adalah lokaliti wabak *hotspot* dengan tempoh wabak melebihi 30 hari.

Sehingga Oktober 2021, bilangan kes demam denggi yang dicatatkan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah dibawah 50 kes seminggu. Walaubagaimanapun, memandangkan terdapat pergerakan yang tinggi selepas negeri Selangor memasuki PPN Fasa 4, lonjakkan kes semasa mungkin akan meningkat. Ia juga ditambah dengan faktor keadaan cuaca yang hujan menyebabkan peningkatan pembiakan nyamuk.

Bagi mengelakkan peningkatan kes demam denggi, usaha di peringkat Majlis sentiasa dipergiatkan seperti pemeriksaan tempat pembiakan nyamuk dari rumah ke rumah, *larvaciding* dan semburan ruang termal serta semburan ULV. Namun, Majlis amat berharap masyarakat Petaling Jaya dapat memberi kerjasama dengan memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di kawasan dalam dan luar rumah serta memastikan semua bekas air yang bertakung ditutup dengan sempurna dan dimasukkan ubat *Abate* bagi mengelakkan pembiakan jentik-jentik terutamanya ketika penghuni pergi bercuti dan tiada di rumah.

Bagi masyarakat yang sentiasa berada di luar rumah, mereka disarankan menggunakan *repellent* terutamanya pada waktu subuh dan senja bagi mengelakkan diri dari gigitan nyamuk. Masyarakat juga boleh menggunakan ubat semburan *aerosol* bagi mematikan nyamuk dewasa di dalam rumah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada Ahli-ahli Majlis, pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya serta penduduk bandar raya Petaling Jaya yang akan disambut pada 4 November 2021.

Semoga diraikan dengan bahagia bersama keluarga tercinta dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan bagi memutuskan rantai penularan wabak COVID-19.

**Sekian, terima kasih.**